

# — APA ITU PERGAULAN BEBAS?

Pengertian pergaulan bebas dari segi agama adalah proses bergaul dengan orang lain tetapi melepas ikitan batasan pergaulan.

## APA ITU IKHTILAT?

Percampuran antara lelaki dan perempuan yang bukan mahram dan tidak memenuhi hukum syara'.



" Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat (yang membawa kerosakan)."  
**(Surah Al-Isra':32)**



**KATAKAN TIDAK PADA  
IKHTILAT (PERGAULAN  
BEBAS)**



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN  
(BAHAGIAN PENGUATKUASAAN)

Pusat Dakwah Islamiyah, Jalan Paroi Senawang,  
70400 Seremban Negeri Sembilan Darul Khusus

Tel: 06-6771890 | 1891 | Fax: 06-6771802

email: pkuasaan.jheains@ns.gov.my

# ADAB-ADAB PERGAULAN

1

## Tidak berdua-duaan di tempat yang sunyi

Daripada Ibnu Abbas r.a. berkata: Saya mendengar Rasulullah SAW bersabda: "Janganlah seorang lelaki berdua-duaan (*khalwat*) dengan wanita kecuali bersama mahramnya."

(Hadis Riwayat Bukhari & Muslim)

2

## Menjaga pandangan mata

Allah memerintahkan kepada lelaki agar merendahkan pandangannya. Sebagaimana firman Allah SWT: "Katakanlah kepada orang laki-laki yang beriman: Hendaklah mereka menahan pandangannya.." (an-Nur: 30)

3

## Menutup aurat dengan sempurna

Allah telah berfirman di dalam al-Quran tentang pensyariatan menutup aurat dengan sempurna: "...dan janganlah mereka menampakkan perhiasannya, kecuali yang biasa nampak daripadanya. Dan hendaklah mereka melabuhkan kain tudung ke dadanya." (an-Nur: 31)

# ADAB-ADAB PERGAULAN

4

## Tidak melunakkan percakapan

Allah SWT telah berfirman: "Hai isteri-isteri Nabi, kamu sekalian tidaklah seperti wanita yang lain, jika kamu bertakwa. Maka janganlah kamu tunduk dalam berbicara (berkata-kata yang menggoda) sehingga berkeinginan orang yang ada penyakit di dalam hatinya tetapi ucapkanlah perkataan-perkataan yang baik." (al-Ahzab: 32)

5

## Tidak bersentuhan dengan bukan mahram

Daripada Muhammad bin Munkadir r.a. berkata, aku mendengar daripada Umayyah binti Ruqaiyah menceritakan bahawa: "Ketika aku datang bersama perempuan untuk membai'ah kepada Nabi SAW, lalu Baginda SAW bersabda "Aku baia'h (perjanjian) kepada apa yang kalian mampu dan berupaya akan tetapi aku tidak berjabat tangan dengan wanita" (Hadis Riwayat Ibnu Majah)

# IMPLIKASI PERGAULAN BEBAS



Cenderung kepada Berlakunya Zina



Pembuangan Bayi



Mencalarkan Maruah Diri & Keluarga



Membawa kepada Pelbagai Penyakit seperti HIV, AIDS & Penyakit Kelamin.



Berlakunya Perceraian & Keruntuhan Institusi Keluarga



Dimurkai oleh Allah SWT